

Cekup Dahan
Eastern Crowned Warbler

FAMILI: Sylviidae
NAMA SAINTIFIK: *Phylloscopus coronatus*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini meyerupai spesies Cekup Daun Artik, *P.borealis*, tetapi bahagian mahkota kepala adalah lebih gelap di mana terdapat jalur yang berwarna pudar pada bahagian tengah mahkota kepala. Bahagian atas badan berwarna sedikit hijau kekuningan manakala bahagian yang berhampiran dengan bahagian telinga dan bahagian bawah badan berwarna putih. Pada bahagian bawah ekor terdapat warna kuning yang pudar. Spesies ini mempunyai bahagian paruh yang berwarna pudar.

SAIZ

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 12.5-13 sm.

MAKANAN

Serangga, labah-labah dan adakalanya spesies ini memakan buahan, bijian dan juga madu bunga.

HABITAT

kawasan hutan dipterokap, hutan campuran, kawasan taman dan kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga ke 1,830 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi berulang yang jelas dan kasar *tuweeu tuweeu tuweeu tuweeu tswi-tswi zueee*. Adakalanya bunyi yang dikeluarkan adalah pendek *psit-su zueee*. Ini termasuklah bunyi *zweet* yang kasar.